

22) SKIM SMART SEWA SELANGOR

Adun : Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Kategori : Lisan

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

- a) Berapakah jumlah kekosongan Smart Sewa Selangor di DUN Pelabuhan Klang?**

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan unit di bawah Skim Smart Sewa ke kawasan sekitar DUN Pelabuhan Klang adalah sebanyak 161 unit. Daripada jumlah tersebut, 40 unit masih dalam proses pengisian dan sedia untuk ditawarkan pada pemohon yang berkecualan.

- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah lagi unit rumah Smart Sewa di DUN Pelabuhan Klang bagi menampung permintaan golongan muda?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) komited dalam melaksanakan Skim Smart Sewa melalui pembelian unit Rumah Selangorku (RSKU) di setiap daerah di Negeri Selangor. Sehubungan itu Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengenalpasti projek perumahan yang sesuai dan berpotensi untuk dibeli dari semasa ke semasa bagi tujuan pelaksanaan Skim Smart Sewa.